

28/06/1997

Pastikan gaji sektor awam kompetitif

Shamsul Kamal Amarudin

KOTA KINABALU, Jumaat - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mencadangkan kepada kerajaan supaya membuat kajian kenaikan gaji kakitangan kerajaan dari semasa ke semasa supaya perkhidmatan awam sentiasa berada dalam keadaan kompetitif dan efisien.

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Dr Mazlan Ahmad, berkata kajian itu perlu kerana setiap kali berlaku kenaikan gaji kakitangan awam, ia sering memberi kesan terhadap harga barangan pengguna.

Katanya, sebarang kenaikan gaji kakitangan awam perlu juga mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak dan tidak tertakluk kepada pandangan kesatuan sekerja saja.

"Setakat ini, kita hanya mendengar pandangan daripada pekerja saja apabila ingin menaikkan gaji kakitangan kerajaan.

"Oleh itu, saya mencadangkan supaya semua pihak termasuk pemimpin kerajaan perlu menimbangkan pandangan daripada pelbagai pihak juga," katanya selepas mendengar taklimat program pemutihan di pejabat Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP) di sini, hari ini.

Dr Mazlan berkata, Perdana Menteri sendiri mahukan JPA mengambil peringatan mengenai perkara itu dengan mengambil beberapa tindakan yang sesuai.

"Kita tidak mahu apabila berlaku kenaikan gaji, harga barang turut naik yang akhirnya tambahan pendapatan itu tidak mendatangkan perubahan sebaliknya mendatangkan pula kezaliman kepada golongan yang bekerja sendiri seperti petani dan nelayan.

"Dr Mahathir sendiri sudah menegaskan bahawa untuk menjadi perkhidmatan awam terus kompetitif, kita tidak seharusnya menaikkan gaji sewenang-wenangnya yang kesudahannya semua akan rugi," katanya.

Dr Mazlan juga berkata, pihaknya kini sedang menjalankan kajian kemungkinan memberikan elaun khas kepada kakitangan kerajaan yang bertugas di bandar-bandar besar.

Menurutnya, kajian itu dilakukan memandangkan kos sara hidup kakitangan kerajaan yang bekerja di bandar-bandar besar lebih tinggi berbanding di tempat lain.

"Cuepacs juga sudah membangkitkan mengenai sara hidup perumahan di bandar-bandar besar dan kita sedang menelitinya," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, beberapa masalah mengenai perkara itu perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum keputusan mengenainya dibuat seperti menentukan lingkungan kawasan yang boleh diiktiraf sebagai saraan hidup tinggi.

(END)